

Headline	2,000 pelajar ikuti program TaHa@U		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	12	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	277 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,342
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,026



2,000 pelajar ikuti program TaHa@U

Kota Kinabalu: Program Bimbingan Kerjaya anjuran *BH* dan Tabung Haji (TH) di bawah naungan TaHa@U yang berlangsung di Dewan Al-Bukhari, Ujana Sarjana, UiTM Sabah, dekat sini, semalam, mendapat sambutan menggalakkan.

Lebih 2,000 pelajar yang mengikuti program itu terhibur dengan pelbagai aktiviti diadakan, antaranya ceramah oleh penceramah terkenal Prof Madya Dr Izi Yahya dan personaliti TV3, Ally Iskandar.

Sempena program itu, Jobs Malaysia Centre Sabah juga mengadakan temu duga terbuka bagi Kiara College, yang menawarkan kekosongan jawatan pensyarah bahasa Inggeris, pengurusan hospitaliti dan chef.

Turut mengendali temu duga terbuka, Promenade Service Apartment, yang menawarkan jawatan eksekutif bidang pemasaran dan F&B ketua chef, auditor malam dan juruteknik.

Program sehari itu dirasmikan Pengurus Besar Bahagian Khidmat Pelanggan Lembaga Tabung Haji, Saimi Matsom.

Turut hadir, Rektor UiTM Sabah, Dr Abdul Kadir Rosline; Pengarah Lembaga Tabung Haji Sabah, Datin Nurlaila Said

dan Ketua Biro BH Sabah, Wan Faizal Ismayatim.

Bantu graduan

Sementara itu, Saimi berkata, Program Bimbingan Kerjaya adalah satu daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya bagi membantu graduan mendapat pekerjaan dan ia dilaksanakan sejak dulu dengan kerjasama *BH*.

Dalam ucapannya itu, beliau turut menasihatkan pelajar supaya berusaha untuk berubah menjadi lebih baik bagi mengubah nasib mereka daripada terus dibelenggu kemiskinan.

“Seperti contoh Lembaga Tabung Haji juga sudah banyak berubah. Dulu cuma bagi khidmat menghantar orang menunaikan ibadat haji tetapi sekarang perkhidmatannya diperbanyakkan setaraf bank konvensional lain.

“Pelajar pun harus bersedia untuk berubah. Kemiskinan bukan untuk diwarisi tetapi ia boleh diubah dengan berusaha keras,” katanya ketika berucap pada majlis itu di sini.

Sementara itu, Abdul Kadir berkata program terbabit adalah satu platform terbaik untuk melahirkan modal insan berkebolehan selaras hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020.

Headline	2,000 pelajar ikuti program TaHa@U		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	12	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	277 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,342
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,026



Ally Iskandar (dua dari kanan) berinteraksi bersama pelajar pada Program Bimbingan Kerjaya anjuran BH dan Tabung Haji di bawah naungan TaHa@U di UiTM Sabah, Kota Kinabalu, semalam. [FOTO LANO LAN/BH]